

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA

GARIS PANDUAN PERTOLONGAN CEMPAK

PEKELILING PENTADBIRAN BILANGAN 51 TAHUN 2021

4.2 GARIS PANDUAN PERTOLONGAN CEMAS

4.2.1 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk menjelaskan kepada staf, pelajar, kontraktor dan pelawat mengenai langkah tindakan semasa berlakunya kemalangan atau keadaan kecemasan dan memberikan bantuan awal kecemasan di UT eM.

4.2.2 PERTOLONGAN CEMAS

4.2.2.1 Tanggungjawab Pelaksanaan Pertolongan Cemas

- (a) Semua staf, pelajar, kontraktor, dan pelawat perlu bertanggungjawab melaksanakan panduan ini ketika menghadapi kemalangan atau keadaan kecemasan.
- (b) Penolong Cemas PTj perlu bertanggungjawab memberikan bantuan awal kecemasan kepada mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan.
- (c) JK KKP melalui JK Pertolongan Cemas perlu mempamerkan satu salinan panduan ini serta senarai nama Penolong Cemas di semua PTj.

4.2.2.2 Penolong Cemas dan Kursus Pertolongan Cemas di PTj

- (a) Ketua PTj adalah bertanggungjawab melantik Penolong Cemas di setiap bahagian/unit atau mengikut keperluan di PTj.
- (b) Kelayakan bagi pelantikan seorang Penolong Cemas hendaklah sekurang-kurangnya telah menghadiri dan lulus Kursus Pertolongan Cemas Asas dan CPR dari mana-mana organisasi yang diiktiraf oleh kerajaan.
- (c) JK KKP perlu merancang dan menjalankan latihan penyegaran / *refresh course* bagi Kursus Pertolongan Cemas Asas dan CPR kepada semua anggota Penolong Cemas sekurang-kurangnya dua (2) tahun sekali.

- (d) JK KKP perlu memaparkan di tempat yang sesuai senarai Penolong Cemas berserta nombor talian untuk dihubungi sekiranya berlaku kecemasan / kemalangan.

4.2.2.3 Kemudahan Penyelenggaraan Kemudahan Dan Peralatan Pertolongan Cemas

- (a) Ketua PTj bertanggungjawab menyediakan kemudahan dan peralatan pertolongan cemas.
- (b) Staf dan pelajar perlu menjaga dan tidak menyalahgunakan semua kemudahan dan peralatan pertolongan cemas yang disediakan.
- (c) JK KKP melalui JK Pertolongan Cemas adalah bertanggungjawab merancang aktiviti penyelenggaraan kemudahan dan peralatan pertolongan cemas.

4.2.2.4 Mesyuarat dan Laporan Pertolongan Cemas

- (a) Perancangan mengadakan mesyuarat peringkat JK Pertolongan Cemas perlu diadakan seberapa kerap yang perlu.
- (b) JK Pertolongan Cemas perlu menyediakan dan menyerahkan Laporan Kemajuan Aktiviti Pertolongan Cemas kepada Pengerusi JK KKP untuk perakuan, sebelum dihantar ke KPKA pada bulan pertama setiap tahun ataupun sekiranya diperlukan.
- (c) Laporan Kemajuan Aktiviti Pertolongan Cemas perlu mengandungi:
 - i. Senarai Nama Penolong Cemas.
 - ii. Laporan Aktiviti / Program Tahunan.
 - iii. Jadual Penyelenggaraan Kemudahan dan Peralatan Pertolongan Cemas.
 - iv. Senarai Semak Penyelenggaraan Kemudahan dan Peralatan Pertolongan Cemas.

4.2.3 PROSES PERTOLONGAN CEMAS

4.2.3.1 Kejadian Kemalangan atau Kecemasan

- (a) Saksi kejadian melaporkan kepada Penolong Cemas.
- (b) Penolong Cemas memberi bantuan awal kecemasan dengan menggunakan prinsip *Danger* (bahaya), *Response* (tindak balas), *Airway* (saluran pernafasan), *Breathing* (pernafasan) dan *Circulation* (peredaran darah) dikenali DRABC sebagai pemeriksaan awal.
- (c) Sekiranya mangsa memberi respons positif atau kecederaan ringan, mangsa perlu dihantar ke Pusat Kesihatan UT eM atau hospital berdekatan untuk menerima rawatan lanjutan.
- (d) Sekiranya mangsa memberi respons negatif atau kecederaan parah, mohon bantuan untuk mendapatkan ambulans atau Pasukan Penyelamat (sekiranya perlu).
- (e) Penolong Cemas perlu memberi bantuan atau maklumbalas keadaan mangsa kepada Pegawai Perubatan atau Pasukan Penyelamat sehingga mangsa dapat menerima rawatan lanjutan.

4.2.3.2 Kejadian Cemas Untuk Penyakit Sawan

- (a) Pastikan masa penyakit sawan bermula, Penolong Cemas perlu mendapatkan bantuan kecemasan sekiranya:-
 - i. Sawan berlaku lebih dari 5 minit.
 - ii. Jika berlaku sawan kedua.
 - iii. Mangsa mengalami kesukaran untuk bernafas.
 - iv. Pesakit sedang hamil.
 - v. Jika terdapat sebarang tanda kecederaan.

- (b) Penolong Cemas perlu mengambil langkah berikut:-
- i. Letakkan bantal atau bahan-bahan yang lembut di bawah kepala pesakit bagi mengelakkan sebarang kecederaan.
 - ii. Longgarkan sebarang aksesori leher yang dipakai oleh pesakit seperti tali leher, serta tanggalkan cermin mata sekiranya ada.
 - iii. Lapangkan kawasan dari sebarang benda-benda tajam atau keras.
 - iv. Bantu pesakit untuk berada dalam posisi mengiring di sisi dan pastikan saluran pernafasan tidak tersekat.
 - v. Jangan masukkan sebarang benda ke dalam mulut pesakit, termasuk makanan dan minuman kerana pesakit tidak boleh menelan sebarang benda.
 - vi. Pastikan anda berada di samping pesakit sehingga sawan berhenti dan pastikan masa selama mana serangan sawan telah berlaku.
 - vii. Selepas sawan berakhir, pastikan pesakit berehat dengan sempurna dan pastikan sehingga pesakit benar-benar sedar kembali.

4.2.4 BAJET PEMBELIAN ALAT PERTOLONGAN CEMAS

Segala bajet / kos dan segala urusan berkaitan kursus serta peralatan pertolongan cemas adalah di bawah tanggungjawab PTj masing-masing.

LAMPIRAN 4.2-1
[CARTA ALIR PERTOLONGAN CEMAS]

